

# FUNGSI TERBARU APLIKASI GOOGLE WORKSPACE (GWS) MYGOVUC

Mulai 5 Februari 2025, MyGovUC telah dilengkapi dengan ciri-ciri terbaru iaitu seperti berikut:

## GEMINI ✨

### Apakah itu Gemini ?


Gemini adalah *Artificial Intelligence* (AI) yang terdapat di dalam MyGovUC. Gemini boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna melalui perkhidmatan yang ada di dalam MyGovUC. Ia direka untuk membantu meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengguna dalam menguruskan e-mel, komunikasi dan kolaborasi harian dengan lebih mudah dan profesional.

### Ciri-ciri Gemini


- 1 Ia mampu memahami dan menjana pelbagai bentuk kandungan, termasuk teks, imej, kod, audio dan video.
- 2 Membantu menulis draf dokumen dengan cepat, termasuk menyediakan laporan, cadangan atau artikel.
- 3 Membantu pengguna menyediakan dokumen, mendapatkan maklumat dan menjana imej.
- 4 Berintegrasi dengan aplikasi Google seperti Google Maps, Google Docs, Google Slides dan lain-lain lagi.

### Cara-cara mengakses Gemini


1. Klik ikon 9 titik (Google apps).




2. Cari dan klik Gemini.




5. Klik Next untuk log masuk.



3. Klik Sign in di bahagian atas sebelah kanan.



4. Masukkan alamat e-mel dan kata laluan akaun MyGovUC anda.



## NOTEBOOKLM

### Apakah itu NotebookLM ?

NotebookLM adalah *Artificial Intelligence* (AI) yang dikhususkan untuk kerja-kerja dokumentasi dan produktiviti. Ia direka untuk membantu pengguna menangani tugas kompleks seperti merumuskan, menganalisis dan menghasilkan kandungan dengan fokus pada pengurusan data dan dokumen.

### Ciri-ciri NotebookLM

NotebookLM boleh mengubah nota, dokumen, laman web, fail audio atau video YouTube menjadi perbincangan topik menarik oleh dua hos AI.



#### Audio Overview:


Meringkaskan dan merumuskan pelbagai nota panjang yang berbentuk format audio.



#### Customize:

Membolehkan pengguna memberi arahan tambahan kepada hos AI yang akan membincangkan sumber nota, teks, audio atau video untuk fokus ke topik yang spesifik.

Sila Imbas Kod QR untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan NotebookLM.



## GOOGLE VIDS

### Apakah itu Google Vids ?

Google Vids ialah aplikasi penciptaan video yang dipacu oleh *Artificial Intelligence* (AI). Perkhidmatan ini merupakan sebahagian daripada Google Workspace. Ia direka untuk memudahkan pengguna mencipta kandungan video yang menarik tanpa memerlukan kemahiran penyuntingan video yang mendalam.

### Ciri-ciri Google Vids



Setiap video mempunyai tempoh maksimum sehingga 10 minit.



Pengguna boleh menyunting tempoh masa bagi setiap video, transisi dan audio.



Penciptaan dan pengemaskinian Google Vids hanya boleh dilakukan melalui dekstop sahaja.

Sila Imbas Kod QR untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Google Vids.

